

# Kes cacar monyet naik 3 kali ganda

**Geneva:** Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan sejumlah 780 kes cacar monyet disahkan di negara bukan endemik virus itu.

Ini peningkatan tiga kali ganda berbanding 257 kes dilaporkan minggu lalu, sekali gus menjadikan laporan WHO menyifatkan penilaian kes pada tahap sederhana sebelum ini adalah tidak tepat.

Jangkitan lazimnya ringan, namun ini kali pertama ia menular di luar benua Afrika dan menurut WHO, sejumlah 27 negara yang bukan endemik cacar monyet sudah merekodkan kes jangkitan.

Sebahagian besar dikesan di Eropah dan Amerika Utara, sementara sebilangan kecil di Mexico, Argentina, Maghribi dan

Emiriah Arab Bersatu (UAE).

United Kingdom (UK) mencatat kes tertinggi dengan 207, diikuti dengan Sepanyol 156 dan Portugal dengan 138.

Dalam laporan terbaru, WHO memaklumkan ada kalangan kes disahkan tiada kontak rapat dengan kes positif.

Biarpun risiko kepada kesihatan umum kekal rendah, ia mungkin meningkat sekiranya kes berkenaan menular dengan meluas di negara bukan endemik.

Ketika ini, kebanyakan kes tidak menunjukkan ciri klinikal cacar monyet, malah sebahagian kes pulih dengan sendiri dalam masa beberapa minggu.

Simptom lazim adalah demam, sakit kepala, bengkak, sakit otot dan ruam.

AGENSI



27 negara yang bukan endemik cacar monyet sudah merekodkan kes jangkitan.

(Foto REUTERS)